

Siri Penerbitan
MAJLIS TA'LIM AN-NUR



Kaedah-Kaedah Mendidik Kanak-Kanak

Karya:
al-Shaykh Nizār Ḥammādī al-Tunīsī



Terjemahan:
Musfirah Mohamad

Semakan:
Dr. Izham Hakimi Redzuan

© Majlis Ta'lim An-Nur

Hakcipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan Perpustakaan Negara Malaysia/Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada penerbit.

ISBN

978-967-17262-9-7

Cetakan Pertama | 2026

Siri Penerbitan
Majlis Ta'lim An-Nur

Penterjemah:
Musfirah Mohamad

Penyemak:
Dr. Izham Hakimi Redzan

Sidang Penyunting:
Muhammad Ariff Asyraf Suhaini
Fatihah Zulkifli

Reka Bentuk Kulit:
Muhammad Solahuddin Ramli

Diterbitkan oleh: *Dengan kerjasama:*



Sultan Haji Ahmad Shah Mosque IIUM
Level 2, Central Complex
International Islamic University Malaysia
53100 Gombak, Selangor
mosque@iium.edu.my

Majlis Ta'lim An-Nur
Masjid Sultan Haji Ahmad Shah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
53100 Gombak, Selangor
mtanmajlistalimannur@gmail.com

Isi Kandungan

Isi Kandungan	vii
Panduan Transliterasi	ix
<i>Kata Pengantar</i>	xi
Dr. Mohamed Rashid Ab Razak	xii
Dr. Izham Hakimi Redzan	xv
Musfirah Mohamad.....	xxvii
[Muqaddimah]	32
[Ibu Bapa sebagai Contoh Teladan].....	34
[Tarbiyah dalam Pemakanan, Pakaian dan Tempat Tidur]	38
[Diajar supaya Tidak Mencintai Dunia melalui Emas dan Perak]	40
[Tarbiyah Cara Pemakaian bagi Anak Lelaki dan Menjauhi Hidup Mewah]	42
[Panduan Pergaulan dengan Anak dan Cara Berinteraksi dengan Mereka]	44

[Tanggungjawab Ibu Bapa]	46
[Tarbiyah Cara Bercakap]	49
[Cara Memberi Galakan kepada Kanak-Kanak supaya Tidak Jemu]	50
[Perintah untuk Solat]	51
[Apa yang Perlu ketika Baligh]	53
[Kisah Orang Soleh]	56
[Teks Asal Risalah Ini]	61
البيان لقواعد تأديب الصبيان	61


Dr. Izham Hakimi Redzan

Pensyarah Kanan

Jabatan Undang-Undang Islam

Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَالَاهُ، وَبَعْدُ؛



esungguhnya agama Islam sangat memberi penekanan terhadap pendidikan kanak-kanak bermula daripada bayi sehinggalah dibesarkan. Perkara ini dapat dilihat melalui galakan Nabi SAW kepada bayi yang baru lahir untuk diazankan pada telinga kanan dan *diiqamatkan* pada telinga kiri berdasarkan sebuah ḥadīth daripada sabdanya:

عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي رَافِعٍ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: «رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ أَدَّنَ فِي أُذُنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ حِينَ وَلَدَتْهُ فَاطِمَةُ بِالصَّلَاةِ»

Maksudnya: “Daripada ‘Ubaydu’Llāh bin Abī Rāfi’, daripada bapanya, beliau berkata: Aku melihat Rasulullah *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* mengazankan di telinga al-Hasan bin ‘Alī ketika Fāṭimah melahirkannya dengan azan solat.”
[Ḥadīth riwayat Abū Dāwud]

Ḥadīth ini menunjukkan saranan Nabi *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* terhadap cara mendidik kanak-kanak semenjak bayi lagi. Dalam *Sīrah Nabawiyyah* dan ḥadīth-ḥadīth Baginda Nabi *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* selain perhatian Baginda terhadap golongan tua dan muda, Nabi *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* juga tidak lupa golongan kanak-kanak untuk mendidik mereka, ini kerana merekalah golongan yang akan menggantikan golongan tua dan meneruskan generasi pada suatu hari nanti. Antara *petunjuk nabawi* dan *tarbiyyah nabawiyyah* kepada golongan kanak-kanak yang diperhatikan:

1. Galakan Nabi *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* kepada golongan kanak-kanak untuk mempelajari aqidah

dengan pembahasan yang mudah. Nabi *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* bersabda:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَا غُلَامُ! إِنِّي أُعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ تَحْفَظَهُ تَجَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعَنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَلَوْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجَفَّتِ الصُّحُفُ»

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbās *raḍiya’Llāhu ‘anhu*, beliau berkata: Rasulullah *ṣalla’Llāhu ‘alayhi wasallam* bersabda: “Wahai anak kecil, sesungguhnya aku akan mengajarkan kepadamu beberapa kalimat: Peliharalah Allāh, nescaya Allāh akan memeliharamu. Peliharalah Allāh, nescaya engkau akan mendapati-Nya bersamamu. Jika engkau meminta, maka mintalah kepada Allāh. Jika engkau memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allāh. Ketahuilah bahawa sekiranya seluruh umat berhimpun untuk memberikan suatu manfaat kepadamu, mereka tidak akan dapat memberikan manfaat tersebut melainkan dengan sesuatu yang telah Allāh tetapkan untukmu.

البيان لقواعد تأديب الصبيان

Kaedah-Kaedah Mendidik Kanak-Kanak

Karya:

al-Shaykh Nizār Ḥammādi al-Tūnīsī

[Muqaddimah]²



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allāh Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang



Segala puji bagi Allāh, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muḥammad yang benar lagi amanah, dan ke atas keluarga baginda serta para sahabat yang suci lagi mulia.

Wa ba'd:

Risalah ini adalah sebuah penjelasan mengenai beberapa kaedah mendidik kanak-kanak yang saya petik dan ringkaskan daripada kitab *Ihyā' 'Ulum al-Dīn* karangan Ḥujjat al-Islām al-Imām

² Ini merupakan tajuk yang diletakkan oleh penterjemah.

berbuat maksiat kepada Tuhannya? Jauhilah dirimu daripada maksiat!"

Sahl selesai menghafal al-Qur'ān kira-kira ketika umurnya tujuh tahun. Dia juga berpuasa pada siang hari dan hanya memakan tepung barli sebagai makanan asasinya, kemudian dia menghabiskan seluruh malamnya dengan beribadah.²³

Pengajaran dan tujuan diceritakan kisah ini adalah sebagai peringatan bahawa jika didikan-didikan awal yang sudah disebutkan dalam risalah ini diraikan dengan sewajarnya dan dijaga dengan baik semasa usia kanak-kanak, maka secara semula jadi mereka tidak terjerumus dalam perkara-perkara yang dilarang agama dan berakhlak mulia ketika dewasa nanti.

Akhir sekali, semoga Allāh memberkati penghulu kita Nabi Muhammad *ṣalla-'Llāhu 'alay-hi wa-sallam*, dan keluarganya serta para sahabatnya, serta memberikan salam yang banyak untuk baginda.

*Wa-'Llāhu a'lam bi al-ṣawāb*²⁴

²³ Sahl bin 'Abd Allāh al-Tustarī, *Tafsīr al-Tustarī*, hlm. 4.

²⁴ Selesai diterjemah oleh Musfirah Mohamad pada 25 Mei 2025 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. Semoga Allāh *ta'ālā* berkenankan usaha kecil ini dan diharapkan sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada ibu bapa yang mendidik anak-anak, *āmin*.